



# **SYARAT – SYARAT DAN IKLAN BAZAR AIDILFITRI (JALAN TAIPING & LORONG SELAMAT)**

## **TAHUN 2022**

Disediakan Oleh :  
Jabatan Pengurusan Pasar & Penjaja,  
Majlis Perbandaran Klang

## SYARAT-SYARAT BAZAR AIDILFITRI (JALAN TAIPING DAN LORONG SELAMAT) TAHUN 2022

1. Semua urusan pengendalian dan peruntukan tapak Bazar Aidilfitri adalah dibawah kendalikan oleh pihak Majlis Perbandaran Klang.
2. Borang permohonan perniagaan akan mula dijual pada **21 Februari 2022 sehingga 11 Mac 2022**. (Lampiran 1).
3. Tempoh perniagaan bagi tapak bazar Ramadhan Aidilfitri adalah selama **15 hari bermula dari 18 April 2022 sehingga 2 Mei 2022**.
4. Masa perniagaan setiap hari (Isnin-Ahad) bermula dari 3.00 petang sehingga 12.00 malam. (Mengikut ketetapan semasa oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)).
5. Ukuran petak yang digunakan adalah 10' x 10' dan peniaga diwajibkan untuk menggunakan khemah 10' x 10' sahaja.
6. Pemohon mestilah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas.
7. Permohonan hendaklah dari peniaga yang mempunyai **lesen perniagaan / penjaja / permit perniagaan dari Majlis Perbandaran Klang**.
8. Satu permohonan untuk 1 keluarga (suami / isteri / anak yang masih ditanggung).
9. Seorang pemohon boleh memohon satu petak sahaja.
10. **Semua pemohon diwajibkan untuk menyelesaikan segala kompaun (sekiranya ada) sebelum menghantar borang permohonan.**
11. Semua petak di buka untuk bidaan kecuali petak yang dipohon pekedai dan mana-mana petak yang tidak di bida atau tidak dipohon oleh pekedai akan dibuka untuk undian. Proses bidaan bermula dari RM1,500.00 bagi setiap petak.
12. Setiap pekedai yang memohon hanya diperuntukkan 2 petak sahaja bagi setiap lot kedai bawah yang berhadapan jalan sahaja dengan syarat menjual barangan yang sama seperti dijual di kedai dan kadar bayaran mengikut petak undian.
13. Peniaga dikehendaki untuk mengemas semua peralatan perniagaan setiap hari selepas tamat berniaga – **Peniaga di Lorong Selamat sahaja.**

14. **Tiada peruntukkan petak untuk peniaga** menjual makanan dan minuman ringan jenis “take away”, belon dan inai pada tahun ini.
15. Peniaga **tidak dibenarkan membuat apa-apa sambungan** menggunakan plastik, kanvas atau lain-lain yang seumpamanya.
16. Peniaga dan pembantu diwajibkan memakai tag yang disediakan.
17. Peniaga adalah dilarang sama sekali untuk mengambil pembantu warga asing atau bermaustatin tetap, **hanya pembantu warga tempatan sahaja dibenarkan**.
18. Sekiranya didapati peniaga mengambil pembantu yang tidak dibenarkan, Majlis berhak untuk membatalkan permit perniagaan peniaga dan menyita barang-barang di lokasi perniagaan.
19. Peniaga perlu menjaga kebersihan kawasan persekitaran.
20. **Peniaga yang mendapat petak di larang menjual / memindah milik / menyewa / membuat pertukaran petak sesama peniaga tanpa kebenaran Majlis.**
21. Tidak membuat halangan lalulintas dan awam.
22. **Wang pematuhan syarat pelesenan tidak akan dikembalikan sekiranya peniaga gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan.**
23. Semua peniaga bazar Ramadhan Jalan Taiping yang berjaya mendapat petak adalah diwajibkan untuk menempatkan satu (1) alat pemadam api berkapasiti minimum 1kg di dalam kedai masing-masing bagi tujuan keselamatan sekiranya berlakunya kebakaran.
24. Pemohon yang berjaya mendapatkan petak diwajibkan untuk mengemukakan salinan resit pembelian alat pemadam api ketika mengambil permit di Pejabat Pengurusan Pasar dan Penjaja, Aras 2, Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana dan permit tidak akan dikeluarkan kepada peniaga-peniaga yang gagal berbuat demikian.
25. Bagi peniaga-peniaga yang didapati melanggar syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan akan dikenakan kompaun dan akan dimasukkan di dalam senarai hitam peniaga-peniaga yang tidak dibenarkan memohon permit bazar Ramadhan selama 2 tahun (melebihi 3 kali kompaun).
26. Majlis berhak membatalkan permit sekiranya didapati peniaga gagal menjalankan perniagaan dalam tempoh tiga hari dari tarikh perniagaan yang ditetapkan atau melanggar mana-mana syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan oleh Majlis.

27. Peniaga-peniaga yang telah disenarai hitam tidak dibenarkan untuk memohon tapak bazar Ramadhan Jalan Taiping 2022.
28. Bayaran permit hendaklah dijelaskan semasa menghantar borang permohonan.
29. Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemohon mengambil keputusan untuk tidak berniaga setelah permohonan tersebut diproses dan wang bayaran tidak akan dipulangkan semula.
30. Wakil adalah dibenarkan untuk menghantar borang permohonan beserta surat kebenaran daripada pemohon.
31. Bagi proses bidaan dan undian petak, proses akan dilakukan secara atas talian (online) dan pemohon akan diberikan pautan untuk menonton proses tersebut.
32. Keputusan adalah muktamad dan bagi pemohon yang tidak menonton proses tersebut akan dimaklumkan keputusan bidaan/undian tersebut melalui sistem pesanan ringkas (sms) atau panggilan telefon.
33. Pemohon dikehendaki untuk membawa resit asal sebagai bukti ketika mengambil permit tersebut.
34. Seorang pemohon boleh membuat satu permohonan sahaja sama ada permohonan untuk juadah makanan atau permohonan Jalan Taiping.
35. Majlis akan melantik ahli jawatankuasa bidaan yang terdiri daripada Pengarah Jabatan Kewangan, Ketua Bahagian Audit Dalam dan Ketua Unit Integriti dalam membuat keputusan pemilihan petak yang dibuat dengan adil.
36. Kadar bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:

36.1 Kadar Bayaran Bagi Undian Jalan Taiping

BIL	PERKARA	KOS
1.	Bayaran Permit Bazar Aidilfitri Jalan Taiping	RM 529.50
2.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 300.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM 829.50</b>

36.2 Kadar Bayaran Bagi Undian Lorong Selamat

BIL	PERKARA	KOS
1.	Bayaran Permit Bazar Aidilfitri Lorong Selamat	RM 357.50
2.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 300.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM 657.50</b>

37. Tuntutan deposit pematuhan syarat hanya akan diluluskan kepada penaja yang mematuhi syarat-syarat pengeluaran permit dan permohonan perlu dibuat dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh bazar tamat iaitu **mulai 3 Mei 2022 sehingga 2 Jun 2022.**
38. Manakala, bagi peniaga yang tidak mendapat petak untuk berniaga, bayaran akan dikembalikan semula selepas proses undian petak, bermula **31 Mac 2022.**



(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**

IKLAN  
BAZAR AIDILFITRI 2022

**(JALAN TAIPING & LORONG SELAMAT)**

SEMUA PERMOHONAN PERLU DIBUAT SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA DENGAN MELAYARI PORTAL MAJLIS PERBANDARAN KLANG (<http://iportal.mpklang.gov.my/permitonline>)

TARIKH BUKA	:	21 FEBRUARI 2022
TARIKH TUTUP	:	11 MAC 2022
KEPUTUSAN BIDAAN	:	18 MAC 2022
UNDIAN PETAK JALAN TAIPING	:	28 MAC 2022
UNDIAN PETAK LORONG SELAMAT	:	29 MAC 2022
TARIKH BERNIAGA BAZAR	:	18 APRIL 2022 – 02 MEI 2022

SEMUA PERMOHONAN HENDAKLAH DIHANTAR PADA ATAU SEBELUM TARIKH TUTUP PERMOHONAN. PERMOHONAN YANG DITERIMA SELEPAS 11 MAC 2022 TIDAK AKAN DIPROSES ATAU DILAYAN.

UNDIAN PETAK BAGI BAZAR AIDILFITRI AKAN DILAKUKAN **SECARA LANGSUNG (LIVE)** DI FACEBOOK MAJLIS PERBANDARAN KLANG.

**NOTA : Harga Bidaan (Jalan Taiping) bermula dari RM1,500.00 bagi 1 petak.**



(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**



## BAZAR AIDILFITRI 2022 NORMA BARU PEMATUHAN SOP KENDIRI

**SEMUA PENIAGA DIWAJIBKAN MEMATUHI SOP TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT BERIKUT:-**

- (a) Semua peniaga dan pelanggan dibenarkan berniaga dan masuk ke tapak mesti menunjukkan Kad/Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 yang membuktikan peniaga dan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap.
- (b) Peniaga di kehendaki juga untuk menyediakan QR code untuk di imbas oleh pelanggan dan menyediakan buku rekod kehadiran pelanggan sendiri.
- (c) Peniaga juga dikehendaki untuk memantau pelanggan yang hadir supaya sentiasa mematuhi jarak fizikal 1 meter dan peniaga sendiri haruslah mengambil barang yang dijual untuk diberikan kepada pelanggan.
- (d) Peniaga gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan dengan menarik semula permit perniagaan yang diberikan dan tidak dibenarkan untuk berniaga.

(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**